

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA  
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

**PERTANYAAN : BUKAN LISAN**

**DARIPADA : TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]**

**SOALAN NO. 422**

**TUAN SU KEONG SIONG [ KAMPAR ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik kes Tuberkulosis (TB) di negeri Perak untuk tahun 2015 sehingga kini. Apakah tindakan yang diambil oleh Kementerian untuk membendung jangkitan penyakit Tuberkulosis daripada merebak kepada orang ramai.

**JAWAPAN**

**Yang di-Pertua,**

Jumlah kes TB bagi negeri Perak bagi tahun 2015 adalah 1,657 kes, diikuti 1,666 kes (tahun 2016), 1,703 kes (tahun 2017), 1,546 kes (tahun 2018) dan sehingga kini 31 Mei 2019 adalah 669 kes. Penyakit Tibi adalah disebabkan oleh jangkitan bakteria *Mycobacterium Tuberculosis* yang merebak melalui udara. Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa berusaha dan melakukan penambahbaikan yang berterusan bagi mencegah dan mengawal penularan penyakit Tibi di Malaysia. Di antara tindakan yang telah diambil oleh KKM adalah meningkatkan kadar pengesanan awal kes bagi tujuan rawatan awal penyakit TB melalui program saringan seperti berikut;

1. Golongan berisiko tinggi TB seperti individu yang mempunyai hubungan rapat dengan pesakit TB seperti ahli keluarga dan rakan sekerja akan diberikan notis bagi menghadiri pemeriksaan kontak di klinik kesihatan dan hospital yang berhampiran. Pada tahun 2018, sejumlah 179,423 kontak telah hadir pemeriksaan kesihatan dan sejumlah 531 kes telah dikesan dan dirawat

penyakit TB. Bagi negeri Perak, sejumlah 13,946 kontak telah diperiksa dan 22 kes TB telah berjaya dikesan dan dirawat.

2. Sejak tahun 2015, Kementerian telah mula melakukan saringan bagi golongan berisiko tinggi lain yang telah dikenalpasti seperti pesakit HIV, *renal failure on dialysis*, pesakit *chronic obstructive pulmonary diseases*, pesakit diabetes, warga emas, perokok dan sebagainya. Pada tahun 2018, sejumlah 441,696 golongan berisiko tinggi telah disaring dan 1,829 kes TB telah berjaya dikesan dan dirawat. Bagi negeri Perak, sejumlah 43,610 golongan berisiko tinggi telah disaring dan 66 kes TB telah dikesan dan dirawat.
3. Bagi menampung keperluan perkhidmatan fasiliti x-ray yang tidak mencukupi di klinik kesihatan, Kementerian telah menyediakan peruntukan sebanyak RM500,00 pada tahun 2019 bagi tujuan perkhidmatan *out-sourcing* x-ray dada ke fasiliti swasta.

Kementerian juga giat mengadakan kempen-kempen kesihatan tentang bahayanya penyakit TB di media sosial dan juga media elektronik. Adalah menjadi harapan warga kerja KKM agar tahap pengetahuan dan kesedaran masyarakat berkaitan penyakit TB akan meningkat. Walaupun pelbagai aktiviti telah dilakukan, tidak dinafikan masih terdapat ruang untuk penambahbaikan bagi program-program yang telah dijalankan.

Sekian, terima kasih.